

PENGARUH AGAMA DAN ADAT DALAM PENERIMAAN MASYARAKAT MELAYU DI NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU TERHADAP PERUBATAN BARAT SEWAKTU ZAMAN PENJAJAHAN BRITISH

Dr Wan Faizah Wan Yusoff,
Pusat Pengajian Sains Kesihatan,
Universiti Sains Malaysia, Kampus Kesihatan
Kelantan
e-mail : faienur@usm.my

Abstrak

Adat dan agama merupakan dua komponen penting dalam kehidupan masyarakat Melayu. Pengaruh adat dan agama dapat dilihat dalam hampir setiap aspek kehidupan bermula daripada sebelum kelahiran hinggalah kepada kematian. Kedatangan British ke Tanah Melayu bukan hanya merubah struktur politik dan pemerintahan Tanah Melayu malah turut memperkenalkan aspek kemodenan dalam bentuk amalan perubatan Barat yang berbeza daripada pemahaman dan pengamalan masyarakat Melayu pada ketika itu. Kajian ini melihat pengaruh adat dan agama dalam dua aspek berbeza iaitu pertamanya dalam membentuk perspektif dan kefahaman Melayu terhadap kesihatan dan penyakit, dan yang keduanya dalam menentukan penerimaan Melayu terhadap pengenalan perubatan Barat sewaktu zaman pemerintahan British di Tanah Melayu amnya, dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu khususnya. Kajian ini akan menunjukkan bahawa aspek kemodenan yang cuba diperkenalkan oleh British telah menerima respon yang berbeza daripada masyarakat Melayu pada ketika itu. Amalan vaksinasi yang mula diperkenalkan dan kemudiannya diwajibkan oleh British pada ketika itu misalnya mendapat sambutan yang agak menggalakkan daripada masyarakat Melayu. Pengenalan konsep perbidanan moden yang agak berbeza daripada amalan 'tradisional' masyarakat Melayu sebaliknya gagal mendapat pengiktirafan yang diharapkan terutamanya disebabkan perbezaan pandangan Melayu terhadap aspek-aspek berkaitan kehamilan, kelahiran dan kesihatan ibu dan anak. Adalah diharapkan bahawa kajian ini dapat memenuhi objektif dalam menunjukkan bahawa selain daripada faktor sosioekonomi dan ekonomi politik, adat dan agama masyarakat Melayu turut memainkan peranan dalam penerimaan masyarakat Melayu terhadap perubatan Barat sewaktu zaman pemerintahan British di Tanah Melayu.

Kata Kunci: Agama, Adat, Melayu, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Perubatan Barat, Penjajahan British